

| | |
|-----------|----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 26 AUGUST 2016 |

Rafidah tak akan sertai Dr Mahathir

BH - 26/8/2016

Kuala Lumpur: Tan Sri Rafidah Aziz menegaskan beliau tidak akan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang dipimpin Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya, beliau masih kekal sebagai ahli UMNO dan tidak bercadang untuk mengubah haluan walaupun jika 'dilamar' mana-mana individu daripada parti baharu itu.

Bagaimanapun, Rafidah yang juga veteran UMNO berkata, ketika ini masih belum ada mana-mana individu daripada parti berkenaan yang berjumpanya.

"Tidak. Saya tidak ambil kisah dengan parti baharu itu dan saya tidak terbabit. Saya masih ahli UMNO," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian Persidangan Antarabangsa Persatuan Wanita Rantau Pasifik dan Asia Tenggara (PPSEAWA) Ke-26 di sini, semalam.

Penaung PPSEAWA itu berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pendiriannya sama ada bakal meninggalkan UMNO untuk menyertai Mahathir dalam parti baharu itu.

Rafidah berkata, beliau mengetahui mengenai namanya dikaitkan dalam satu senarai yang kononnya adalah nama bakal pemimpin parti baharu itu, namun tidak mengetahui bagaimana beliau disenaraikan.



Tidak. Saya tidak ambil kisah dengan parti baharu itu dan saya tidak terbabit. Saya masih ahli UMNO"

Rafidah Aziz,
Penaung PPSEAWA